

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 MARCH 2017

MySuria: Isi rumah B40 dikenal pasti

UM - 8/3/2017

PUTRAJAYA 2 Mac - Seramai 1,620 isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di seluruh negara akan mula dikenal pasti pada bulan ini sebagai peserta program MySuria.

Perkara itu dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa mempengerusikan mesyuarat pertama 2017 Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Menurut Menteri Teknologi, Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili, Perdana Menteri komited melihat respon dan impak awal program tersebut menerusi peruntukan awal sebanyak RM45 juta.

“Sebagai permulaan, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM45 juta, kemudian akan melihat respon dan impak daripada pelaksanaannya sebelum membuat semakan semula.

“Proses mengenal pasti itu akan turut dibantu oleh pihak koridor dan ahli Parlimen. Tumpuan akan diberikan kepada negeri-negeri yang paling ramai

kumpulan B40,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Mesyuarat juga bersetuju melanjutkan pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 2.0) untuk tempoh 2018 hingga 2022 dengan peruntukan baharu sebanyak RM5 bilion.

Maximus berkata, skim tersebut berjaya melahirkan ramai usahawan tempatan dalam bidang teknologi hijau dengan pembiayaan sebanyak RM2.96 bilion untuk 272 projek sejak dilaksanakan pada 2010.

Mengulas lanjut, katanya, mesyuarat turut memperakukan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) yang menggariskan langkah-langkah mentransformasikan ekonomi negara berlandaskan teknologi hijau untuk mencapai pertumbuhan ekonomi rendah karbon.

Beliau berkata, Perdana Men-

teri mahu semua jawatankuasa pelaksanaan memberi penelitian supaya sasaran negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca daripada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 45 peratus pada 2030 tercapai.

“Enam jawatankuasa dan sektor yang perlu memainkan peranan adalah tenaga, pembuatan, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa dan pengurusan air,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, mesyuarat juga meluluskan penubuhan Dana Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) yang akan menjadi pemangkin bisnes bagi industri Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO).

Tambahnya, inisiatif EPC dijangka menyumbang ke arah pengurangan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 1,050 Gigawattjam (GWh) bersamaan dengan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 728.7 ktCO₂ (pengurangan gas rumah hijau) dalam tempoh lima tahun pertama pelaksanaannya.